

Pengeluar perabot digesa terus hasilkan produk tokokan nilai tinggi

KUALA LUMPUR: Pengeluar perabot tempatan perlu terus berusaha menghasilkan produk tokokan nilai tinggi menerusi reka bentuk, fungsi dan hasil ciptaan hijau yang lebih baik, bagi memastikan kejayaan berterusan industri tersebut.

Menteri Industri Utama Teresa Kok berkata ini boleh disokong menerusi penggunaan pakai pembuatan pintar bagi meningkatkan kualiti, mengurangkan masa pengeluaran dan menggantikan pekerjaan berkemahiran tinggi.

Selain itu, kerajaan juga menggalakkan syarikat perabot agar menggunakan teknologi canggih dan automasi bagi menambah baik produktiviti dan daya saing, katanya dalam ucapan beliau semasa majlis perasmian Pameran Perabot Antarabangsa Malaysia (MIFF) 2019, di sini, semalam.

"Industri perabot di Ma-



KOK

laysia berkembang maju dan memberi sumbangan ketara kepada pendapatan eksport negara. Oleh itu, kerajaan akan terus memudahkan pertumbuhan dan pembangunan industri bagi memastikan ia berkembang dan mencatatkan prestasi yang lebih baik sebagai satu komoditi," katanya.

Kok berkata satu daripada langkah yang diambil untuk menyokong industri perabot

adalah memastikan bekalan bahan mentah yang berterusan dengan kerajaan mengehadkan sementara eksport kayu getah bergergaji bagi tambahan nilai tinggi pada 1 Julai, 2017.

"Langkah ini adalah positif dalam memastikan ketersediaan bahan mentah, serta memantapkan harga kayu getah bagi pasaran domestik.

"Kementerian terus memantau dengan rapat situasi itu dan akan mengkaji semula mekanisme yang digunakan bagi memastikan ia berfungsi bagi pemain huluan dan hiliran, termasuk menangani isu kekurangan bahan mentah," katanya.

Menurut Kok, daripada jumlah RM9.83 bilion yang dijana menerusi eksport produk perabot tahun lepas, perabot kayu menyumbang RM7.79 bilion.

Sementara itu, beliau berkata bagi memenuhi keperluan

undang-undang mengekspor kayu di pasaran antarabangsa, Malaysia sebagai pengeluar dan pengeksport utama produk kayu tropika akan sentiasa memastikan ia berupaya membekalkan produk kayu yang diperolehi daripada hutan diurus dengan lestari.

"Bagi tujuan ini Majlis Pensijilan Kayu Malaysia (MTCC) ditubuhkan sebagai sebuah badan bebas untuk membangunkan dan mengendalikan Skim Pensijilan Kayu Malaysia (MTCS).

"Ini bagi memastikan produk kayu dan kayu lestari memenuhi permintaan pasaran dan pengguna yang mahukan produk kayu diperakui, terutamanya di negara maju," kata Kok.

Beliau berkata ketika ini terdapat 359 syarikat diperakui di bawah MTCS dan kuantiti kayu dieksport diperakui MTCS pada 2018 ialah 378,387 meter padu. — Bernama